

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

- PERTANYAAN** : **JAWAB BUKAN LISAN**
- DARIPADA** : **TUAN G MANIVANNAN A/L
GOWINDASAMY
[KAPAR]**
- SOALAN** : **Tuan G Manivannan A/L Gowindasamy
[Kapar]** minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan menerangkan progres dalam
perundingan dengan China mengenai
pencerobohan kapal-kapal China ke
perairan negara di Laut China Selatan.
Apakah polisi atau dasar yang digunakan
dalam proses perundingan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada YB Kapar di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. **Pendirian Malaysia berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua tuntutan dan penyelesaiannya hendaklah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982 atau UNCLOS 1982.**

3. Malaysia, serta negara-negara penuntut ASEAN yang lain tidak mengiktiraf tuntutan China berdasarkan *nine-dash line* kerana ia tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa termasuklah *United Nations Convention on Law of the Sea (UNCLOS) 1982*.

4. Malaysia seterusnya percaya bahawa pendekatan menghindari tindakan provokasi, atau dengan izin *self restraint* oleh semua anggota negara penuntut dan China, adalah penting untuk mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Saya juga ingin maklumkan bahawa undang-undang antarabangsa termasuklah *UNCLOS 1982* memperuntukkan hak kebebasan pelayaran,

atau dengan izin, *freedom of navigation* kepada kapal-kapal asing termasuklah kapal perang dan kapal penguatkuasa di dalam kawasan perairan Malaysia. Sehubungan dengan itu, kehadiran kapal-kapal asing di dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) tidak boleh dibantah melainkan kapal-kapal ini melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bercanggah dengan aspek pelayaran seperti melaksanakan penguatkuasaan, mengganggu aktiviti kapal-kapal dan sebagainya.

6. Namun, dalam masa yang sama, rondaan, pengawasan, pemantauan dan penguatkuasaan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan kepentingan dan keselamatan negara di Laut China Selatan sentiasa terpelihara.

7. Saya ingin tegaskan bahawa isu Laut China Selatan adalah kompleks dan melibatkan hubungan antara negara. Saya juga ingin tegaskan bahawa dalam apa jua keadaan, Kerajaan tidak akan sesekali berkompromi di dalam perkara yang boleh menjejaskan keutuhan wilayah dan kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.